Mohammad Syukran bin Ramli lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH C-05(M)-269–08 TAHUN 2020
HADHARIAH SYED ISMAIL, AHMAD NASFY HHMR DAN AZIZUL AZMI ADNAN H
16 SEPTEMBER 2022

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf memutuskan pembelaan innocent carrier perayu adalah penafian semata-mata — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

Pada 5 April 2018 jam lebih kurang 10.30 malam, semasa SP2 bersama SP3 dan anggotanya menjalankan tugas sekatan jalan raya di hadapan Balai Polis Telemong, mereka telah melihat perayu yang menunggang motosikal membiiat pusingan U lebih kurang 10 meter dari sekatan jalan raya. SP2 terus menaiki motosikal, mengekori motosikal perayu. Perayu memberhentikan motosikalnya di tepi jalan. SP2 menghampiri perayu, memperkenalkan diri polis dan mengarahkan perayu pergi ke Balai Polis Telemong. Di hadapan balai polis tersebut, SP3 telah menjalankan pemeriksaan terhadap beg galas yang digalas oleh perayu dan menjumpai satu bungkusan plastik dan satu bungkusan surat khabar mengandungi ketulan dan serbuk disyaki dadah. Dadah-dadah yang dirampas telah dianalisa dan disahkan sebagai 22g heroin dan monoacetylmorphines dan 76.61g methamphetamine, yang merupakan dadah-dadah berbahaya. Perayu dituduh dengan dua kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati perayu mempunyai pemilikan dan pengetahuan mengenai dadah-dadah tersebut dan perayu dipanggil membela diri. Perayu memanggil seorang saksi iaitu Suhaimi bin Abdul Rahman atau Mie ('SD2') untuk memberi keterangan. Perayu menyatakan SD2 meminta perayu pergi berjumpa seorang lelaki India di Shell Gombak untuk mengambil barang SD2. Perayu mendakwa, lelaki India itu berpesan kepada perayu supaya tidak membuka bungkusan tersebut. Di akhir kes pembelaan, HMT mendapati pembelaan perayu bahawa beliau adalah 'innocent carrier' yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah dalam bungkusan tersebut adalah suatu penafian semata-mata dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Perayu disabitkan dan dikenakan hukuman gantung sampai mati. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Pernyataan perayu dalam percakapan amarannya bahawa kemungkinan barang yang diarahkan beliau ambil dari lelaki India adalah dadah kerana Mie adalah tokan dadah jelas menunjukkan perayu tahu bungkusan yang dibawanya adalah berisi dadah. Alasan perayu bahawa beliau buat pusingan U kerana takut disaman dan bukan kerana takut beg berisi dadah diperiksa oleh polis adalah suatu alasan yang tidak boleh diterima akal. Perayu membuat pusingan U kerana beliau ada pengetahuan mengenai dadah yang dibawanya dan takut ditangkap oleh polis. Oleh itu HMT tidak terkhilaf bila memutuskan pusingan U dibuat kerana perayu tahu beliau bawa bungkusan berisi dadah. Apabila perayu memilih untuk menutup mata dari melihat sebab tidak mahu tahu dadah-dadah yang berada didepan matanya, mengikut undang-undang, perayu dikatakan tahu mengenai dadah-dadah itu. Maka, HMT membuat dapatan fakta yang betul bila memutuskan konsep *wilful blindness* terpakai terhadap perayu. Mengenai keterangan SD2 yang tidak memihak kepada perayu, sama ada SD2 berbohong atau tidak, SD2 telah tampil memberi keterangan bersumpah menafikan versi perayu. SD2 adalah saksi perayu. Apabila keterangan SD2 tidak menyokong versi perayu, ini bermakna versi perayu mengenai innocent carrier tidak berlaku dan adalah tidak benar. Maka, HMT membuat dapatan fakta yang betul bila memutuskan dadah-dadah tersebut adalah milikan perayu dan pembelaan *innocent carrier* adalah suatu penafian semata-mata (lihat perenggan 26–29).

[English summary

On 5 April 2018 at about 10.30pm, while SP2 together with SP3 and his team were carrying out roadblock duties in front of the Telemong Police Station, they saw the appellant riding a motorcycle making a U-turn approximately 10 meters from the roadblock. SP2 immediately rode his motorcycle, following the appellant's motorcycle. The appellant stopped his motorcycle on the side of the road. SP2 approached the appellant, introduced himself as the police and ordered the appellant to go to the Telemong Police Station. In front of the police station, SP3 conducted an inspection of the backpack carried by the appellant and found a plastic package and a newspaper package containing lumps and powder of suspected drugs. The confiscated drugs were analysed and confirmed as 22g of heroin and monoacetylmorphines and 76.61g of methamphetamine, which were dangerous drugs. The appellant was charged with two offenses under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. At the end of the prosecution case, the High Court judge ('HCJ') found that the appellant had possession and knowledge of the drugs and the appellant was called to enter defence. The appellant called a witness namely Suhaimi bin Abdul Rahman or Mie ('SD2') to testify. The appellant stated that SD2 asked the appellant to go meet an Indian man at Shell Gombak to collect SD2's package. The appellant claimed that the Indian man ordered the appellant not to open the package. At the end of the defence case, the HCJ found that the

appellant's defence that he was an innocent carrier who had no knowledge of the drugs in the package was a mere denial and did not raise any reasonable doubt for the prosecution's case. The appellant was convicted and sentenced to death by hanging. Hence, this appeal.

Held, dismissing the appeal:

(1) The appellant's statement in his cautioned statement that it was possible that the item he was ordered to take from the Indian man was drugs because Mie was a drug dealer clearly showed that the appellant knew the package he was carrying contained drugs. The appellant's excuse that he made a U-turn because he was afraid of being sued and not because he was afraid of the bag full of drugs being checked by the police was an excuse that could not be accepted. The appellant made a U-turn because he had knowledge of the drugs he was carrying and was afraid of being caught by the police. Therefore, the HCJ was not wrong when deciding that the U-turn was made because the appellant knew he was carrying a package containing drugs. When the appellant chose to close his eyes from seeing because he did not want to know the drugs that were in front of his eyes, according to the law, the appellant was said to know about the drugs. Therefore, the HCJ made the correct factual finding in holding whether the concept of wilful blindness applied to the appellant. Regarding SD2's evidence that was not in favour of the appellant, whether SD2 was lying or not, SD2 had came forward to testify under oath denying the appellant's version. SD2 was the appellant's witness. When SD2's testimony did not support the appellant's version, it meant that the appellant's version of innocent carrier did not apply and was not true. Therefore, the HCJ made the correct factual finding when deciding that the drugs were in the possession of the appellant and that the innocent carrier defence was a mere denial (see paras 26–29).]

Kes-kes yang dirujuk

Munuswamy Sundar Raj v PP [2015] 6 MLJ 214, MP (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), 39B(1)(a), Jadual Pertama

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No CB-45A-15–12 Tahun 2018 (Mahkamah Tinggi, Temerloh)

Aida Rahayu Abdul Rahman (Aida Rahman & Co) bagi pihak perayu.
Norzilati Izhani bt Zainal @ Zainol (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR:

PENGENALAN

[1] Pada 12 Ogos 2020, perayu, Mohammad Syukran bin Ramli telah disabitkan dengan dua kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dikenakan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman telah didengar oleh kami pada 29 Ogos 2022 dan ditolak secara sebulat suara pada tarikh yang sama.

Pertuduhan-pertuduhan:

(a) pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu, pada 5 April 2018 jam lebih kurang 10.45 malam, bertempat di hadapan Balai Polis Telemong, di dalam Daerah Bentong, di dalam Negeri Pahang, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 22.0 gram heroin dan monoacetylmorphines (18.9 gram heroin dan 3.1 gram monoacetylmorphines) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B (2) Akta yang sama.

(b) pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu pada 5 April 2018 jam lebih kurang 10.45 malam, bertempat di hadapan Balai Polis Telemong, di dalam Daerah Bentong, di dalam Negeri Pahang, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 76.61 gram methamphetamine dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B (2) Akta yang sama.

FAKTA

[3] Pada 5 April 2018 jam lebih kurang 10.30 malam, semasa SP2 bersama SP3 dan anggotanya menjalankan tugas sekatan jalan raya di KM20, hadapan Balai Polis Telemong, mereka telah melihat perayu yang menunggang motosikal membuat pusingan U lebih kurang 10 meter dari sekatan jalan raya. SP2 terus menaiki motosikal, mengekori motosikal perayu. Perayu memberhentikan motosikalnya di tepi jalan. SP2 menghampiri perayu, memperkenalkan diri polis dan mengarahkan perayu pergi ke Balai Polis Telemong.

[4] Di hadapan balai polis tersebut, SP3 telah menjalankan pemeriksaan terhadap beg galas (P12) yang digalas oleh perayu dan menjumpai satu

bungkusan plastik putih (P12A' berisi satu bungkusan plastik lutsinar (P7A) mengandungi ketulan berwarna merah jambu disyaki dadah jenis heroin dan satu bungkusan surat khabar News Straits Times (P12B) mengandungi lapan paket plastik lutsinar (P8 (A1-A8)) berisi serbuk dan ketulan disyaki dadah jenis syabu. Dalam P12, turut dirampas dompet kulit (P12C) mengandungi satu kad pengenalan atas nama perayu (P12 (C1)).

[5] Dadah-dadah yang dirampas telah dianalisa oleh ahli kimia, SP7 dan disahkan sebagai 22g heroin dan monoacetylmorphines dan 76.61g methamphetamine, yang merupakan dadah-dadah berbahaya di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Fakta ini tidak dipertikaikan.

[6] Juga, tidak ada pertikaian bahawa dadah-dadah yang dikemukakan di mahkamah adalah dadah-dadah yang dirampas daripada perayu.

[7] Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi (HMT) mendapati perayu mempunyai pemilikan terhadap dadah-dadah kerana semasa ditangkap, perayu sedang menggalas beg berisi dadah-dadah tersebut dan perlakuan beliau membuat pusingan U menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah itu. Bagi elemen pengedaran, HMT mengguna pakai anggapan di bawah s 37(da) terhadap perayu. Oleh itu, perayu dipanggil membela diri.

KES PEMBELAAN

[8] Perayu memberi keterangan bersumpah. Perayu turut memanggil seorang saksi iaitu Suhaimi bin Abdul Rahman (SD2) untuk memberi keterangan.

[9] Perayu menyatakan beliau kenal SD2 sejak kecil dan mereka tinggal sekampung. Menurut perayu, dua tahun sebelum kejadian kes ini, perayu mendapat tahu bahawa SD2 adalah tokan dadah di sekitar Chemomoi. Perayu menyatakan beliau tidak rapat dengan SD2 dan hanya akan bersembang jika terserempak di kampung.

[10] Pada 5 April 2018 jam lebih kurang 6 petang, semasa perayu berada di rumah sewanya di USJ, Subang Mas, SD2 menelefonnya meminta beliau (perayu) pergi berjumpa seorang lelaki India dengan nama panggilan Thambi di Shell Gombak untuk mengambil barang SD2. Menurut perayu ini adalah kali kedua SD2 meminta perayu menghantar barang kepadanya. Untuk setiap penghantaran, SD2 dikatakan membayar upah RM500.

A **[11]** Selepas mendapat panggilan telefon SD2, perayu terus bertolak ke Shell Gombak dan mengambil barang daripada lelaki India. Perayu mendakwa, lelaki India itu berpesan kepada perayu supaya tidak membuka bungkusan tersebut.

B **[12]** Perayu memasukkan bungkusan tersebut ke dalam beg galasnya tanpa melihat isi kandungan bungkusan. Selepas itu, perayu menunggang motosikalnya bergerak menuju ke Chemomoi untuk menyerahkan bungkusan itu kepada SD2.

C **[13]** Apabila sampai di hadapan Balai Polis Telemong, perayu mendapati terdapat sekatan jalan raya. Perayu bertindak membuat pusingan U kononnya kerana takut disaman kerana cukai jalan motosikalnya telah tamat tempoh. Perayu kemudiannya berhenti di hadapan bangunan MCA untuk menghisap D rokok dan berfikir apa yang perlu dibuat.

[14] Ketika ini, SP2 telah mengekori perayu dari belakang dan telah menahan perayu di tempat menghisap rokok. SP2 meminta kad pengenalan dan lesen memandu, tetapi perayu hanya menunjukkan lesen memandu E sahaja. Perayu mendakwa beliau tidak dapat mencari di mana kad pengenalannya. Perayu seterusnya mengikut arahan SP2 untuk pergi ke Balai Polis Telemong.

F **[15]** Semasa pemeriksaan di balai, perayu mendakwa beliau tidak pasti bagaimana SP2 boleh jumpa kad pengenalannya dan dadah-dadah dalam beg galasnya. Menurut perayu polis telah merampas telefon bimbitnya yang mengandungi butiran panggilan yang dibuat SD2 dan lelaki India itu. Perayu mengatakan beliau tidak tahu bungkusan itu mengandungi dadah. Peranannya G hanyalah untuk menghantar barang kepada SD2. Perayu mengatakan jika beliau tahu bungkusan itu berisi dadah, beliau tidak akan mengambil bungkusan tersebut dari lelaki India untuk diserahkan kepada SD2 dan akan melarikan diri setelah membuat pusingan U.

H **[16]** Suhaimi bin Abdul Rahman (SD2) yang juga dikenali sebagai Mie telah menafikan keterangan perayu. SD2 mengatakan beliau bukan pengedar dadah dan tidak terlibat dalam kes ini. SD2 mengatakan beliau tidak pernah menyuruh perayu berjumpa lelaki India, mengambil apa-apa barang atau dadah untuk dihantar kepadanya. SD2 juga mengatakan beliau tidak pernah I membayar RM500 sebagai upah kepada perayu.

[17] Di akhir kes pembelaan, HMT mendapati pembelaan perayu bahawa beliau adalah 'innocent carrier' yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah dalam bungkusan tersebut adalah suatu penafian semata-mata

dan tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. HMT bersandar kepada dapatan fakta yang berikut:

(a) perayu mengambil bungkusan itu dari Tambi pada jam lebih kurang 6 petang. Beliau ditangkap oleh polis pada jam lebih kurang 10.45 malam. Ini bermakna perayu ada masa dan peluang selama empat jam untuk membuka bungkusan dan melihat isi kandungannya. Perayu sendiri mengakui semasa pemeriksaan balas bahawa bungkusan itu boleh dibuka dengan senang sebab tidak diikat mati, berkunci atau berseal. Hanya ambil sedikit masa dan usaha sahaja untuk membuka bungkusan. Tetapi, perayu kata dia tidak membuka bungkusan;

(b) perayu mengakui dia mengenali Mie sebagai seorang tokan dadah. Oleh itu adalah tidak munasabah untuk perayu tidak merasa syak bahawa bungkusan tersebut mengandungi dadah. Lebih-lebih lagi apabila Thambi mengarahkan perayu supaya tidak membuka bungkusan itu;

(c) kegagalan perayu untuk memeriksa dan mengambil tahu isi kandungan bungkusan itu menyebabkan konsep 'wilful blindness' terpakai untuk membatalkan pembelaan perayu;

(d) dapatan mahkamah ialah perayu sebenarnya tahu isi kandungan bungkusan kerana kad pengenalan perayu ada di dalam beg galas bersama-sama dengan bungkusan dadah;

(e) keterangan SD2 telah menghancurkan kredibiliti perayu kerana keterangan SD2 tidak menyokong dan bercanggah dengan versi perayu; dan

(f) oleh kerana keterangan perayu tidak disokong oleh SD2, mahkamah memutuskan dadah-dadah itu adalah kepunyaan perayu. Perayu juga gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya di atas imbangan kebarangkalian.

ISU

[18] Satu-satunya isu yang dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan ini ialah HMT telah terkhilaf apabila memutuskan pembelaan perayu bahawa beliau adalah *innocent carrier* yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah yang berada di dalam beg yang digalasnya adalah satu penafian semata-mata.

HUJAHAN PERAYU

[19] Mengenai pembuktian elemen pengetahuan, peguam perayu merujuk kepada kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19 di mana Mahkamah Persekutuan menyatakan:

Proof of knowledge is very often a matter of inference.

[20] Maksud pembelaan innocent carrier telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Munuswamy Sundar Raj v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 214 seperti berikut:

> [8] ... A defence of innocent carrier refers to a state of affairs where an accused person acknowledges carrying, for example a bag or a box, as in the case before us, containing the dangerous drugs but disputes having knowledge of the drugs.
>
> [9] ... the success of the defence of innocent carrier depends very much on the facts of each case ... Ignorance simpliciter is not sufficient to let an accused person off the hook. Without any reason for suspicion or there is no right or opportunity of examination, ignorance may be a good defence.

[21] Pembelaan *innocent carrier* harus diteliti bersama konsep *wilful blindness*. Konsep *wilful blindness* bermaksud jika seseorang itu menutup mata daripada melihat perkara yang jelas boleh dilihat kerana beliau tidak mahu tahu, beliau akan dikatakan tahu mengenai perkara itu.

[22] Dalam penghakimannya, HMT memutuskan perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah kerana:

(a) kad pengenalan perayu ada bersama bungkusan dadah di dalam beg yang digalas oleh perayu;

(b) perayu bertindak membuat pusingan U apabila nampak ada sekatan jalan raya oleh polis;

(c) perayu memilih untuk menutup mata daripada membuka bungkusan dadah walaupun beliau ada banyak masa dan peluang untuk membuka bungkusan dadah yang tidak berikat, tidak ber*seal* dan amat mudah untuk dibuka; dan

(d) versi perayu tidak disokong oleh SD2.

[23] Peguam perayu berhujah HMT telah terkhilaf dalam membuat dapatan fakta mengenai elemen pengetahuan. Dihujahkan bahawa penemuan kad pengenalan bersama bungkusan dadah bukanlah satu bukti kukuh untuk menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan bahawa kandungan bungkusan adalah dadah. Juga dihujahkan bahawa tindakan perayu membuat pusingan U adalah kerana beliau takut di saman kerana *road tax* motosikalnya telah tamat tempoh. Bukan kerana perayu takut mengenai polis akan memeriksa bungkusan dadah. Seterusnya, dihujahkan tidak ada sebab untuk perayu membuka bungkusan dadah kerana arahan telah diberi supaya tidak membukanya dan tindakan perayu adalah konsisten dengan seorang yang memegang amanah,

[24] Dalam percakapan amaran beliau (P18), jawapan perayu kepada soalan-soalan berikut adafah relevan kepada isu pengetahuan:

S: Apakah barang yang dimaksudkan?

J: Kemungkinan dadah. Dia tokan dadah di sekitar Chemomoi. Saya tak berapa nak ambil tahu barang yang dibawa. Saya cuma terima upah RM500 sahaja.

S: Kenapa kamu buat U-Turn semasa road block di hadapan Balai Telemong?

J: Sebab roadtax moto saya dah mati. Tapi lesen memandu saya masih hidup.

S: Adakah kamu buat U-Turn sebab kamu tahu kamu ada bawa barang salah?

J: Saya tidak berapa risau sangat dengan barang tersebut sebab ingatkan polis tak periksa beg saya. Saya cuma takut kena saman.

[25] Dalam kes ini pihak polis tidak memeriksa sama ada betul atau tidak *road tax* motosikal perayu telah mati. Dalam keadaan yang dinyatakan, peguam perayu menghujahkan bahawa alasan perayu membuat pusingan U kerana takut disaman adalah lebih munasabah dan wajar diterima, Dan dapatan HMT bahawa pusingan U dibuat kerana perayu tahu kandungan bungkusan adalah dadah adalah tidak wajar dan harus diketepikan.

[26] Kami tidak bersetuju dengan hujahan perayu, pernyataan perayu dalam percakapan amarannya bahawa kemungkinan barang yang diarahkan beliau ambil dari lelaki India adalah dadah kerana Mie adalah tokan dadah jelas menunjukkan perayu tahu bungkusan yang dibawanya adalah berisi dadah. Perayu juga tahu membawa dadah adalah kesalahan jenayah yang berat. Perayu juga tahu di sekatan jalan raya, polis akan membuat pemeriksaan fizikal. Perayu juga tahu hukuman bagi saman trafik adalah sangat kecil berbanding hukuman bagi kesalahan berkaitan dadah. Sebab itu, perayu boleh menunggang motosikal sejauh 144km tanpa *road tax* tanpa rasa takut. Oleh itu, alasan perayu bahawa beliau buat pusingan U kerana takut disaman dan bukan kerana takut beg berisi dadah diperiksa oleh polis adalah suatu alasan yang tidak boleh diterima akal. Atas fakta kes ini, perayu membuat pusingan U kerana beliau ada pengetahuan mengenai dadah yang dibawanya dan takut ditangkap oleh polis. Inilah satu-satu alasan yang boleh dibuat bagi tindakan perayu itu. Oleh itu kami mendapati HMT tidak terkhilaf bila memutuskan pusingan U dibuat kerana perayu tahu beliau bawa bungkusan berisi dadah.

[27] Kami juga tidak bersetuju dengan hujahan perayu bahawa tidak ada sebab untuk beliau membuka dan memeriksa bungkusan dadah kononnya kerana telah diarahkan supaya tidak membuka bungkusan. Jawapan kami, jika itu pilihan perayu, undang-undang tidak memihak kepada beliau. Dalam kes ini hanya ada dua bungkusan dadah sahaja. Satu bungkusan adalah satu plastik lutsinar yang tidak dibalut dengan surat khabar. Ketulan dadah berwarna merah jambu dalam plastik lutsinar itu boleh dilihat dengan jelas. Satu bungkusan lagi dibalut dengan kertas surat khabar dan mengandungi lapan

paket kecil berisi dadah. Hanya perlu tengok ketulan merah jambu dan ambil masa beberapa saat sahaja untuk membuka kertas surat khabar untuk lihat lapan paket kecil dadah. Jika sekadar untuk melihat kandungan bungkusan, dadah-dadah itu tidak terjejas pun dan Thambi serta Mie juga tidak akan tahu perayu telah melihat kandungan bungkusan. Dalam keadaan bungkusan yang sedemikian rupa, seseorang yang munasabah (lebih-lebih lagi apabila dilarang dari membuka bungkusan) akan secara spontan melihat isi kandungan bungkusan. Jadi bila perayu memilih untuk menutup mata dari melihat sebab tidak mahu tahu dadah-dadah yang berada didepan matanya, mengikut undang-undang, perayu dikatakan tahu mengenai dadah-dadah itu. Maka, sekali lagi kami mendapati HMT membuat dapatan fakta yang betul bila memutuskan konsep *wilful blindness* terpakai terhadap perayu.

[28] Mengenai keterangan SD2 yang tidak memihak kepada perayu, peguam perayu menghujahkan SD2 telah berbohong untuk menyelamatkan dirinya (SD2). Juga dihujahkan adalah malang bagi perayu kerana polis tidak menjalankan siasatan ke atas telefon bimbit perayu yang dirampas untuk membongkar komunikasi yang didakwa berlaku di antara perayu, Mie dan Thambi. Kami mendapati hujahan peguam perayu mengenai telefon bimbit perayu dirampas oleh polis adalah tidak benar dan ditolak oleh mahkamah ini. Fakta yang betul ialah telefon bimbit perayu tidak dirampas oleh polis.

[29] Sama ada SD2 berbohong atau tidak, SD2 telah tampil memberi keterangan bersumpah menafikan versi perayu. Jika benarlah SD2 ini adalah tokan dadah, sudah tentu SD2 akan melarikan diri dan bukannya hadir ke mahkamah untuk membersihkan namanya. Apa pun, SD2 adalah saksi perayu. Apabila keterangan SD2 tidak menyokong versi perayu, ini bermakna versi perayu mengenai *innocent carrier* tidak berlaku dan adalah tidak benar. Maka, HMT membuat dapatan fakta yang betul bila memutuskan dadah-dadah tersebut adalah milikan perayu dan pembelaan innocent carrier adalah suatu penafian semata-mata.

[30] Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, kami mendapati sabitan dan hukuman ke atas perayu adalah selamat. Oleh itu rayuan perayu ditolak. Keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali